

24 AUG 1996

DR MAHATHIR BELEPAS KE BEIJING

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Beijing pagi ini untuk menyampaikan ucapan dasar dan merasmikan "Dialog Perkongsian Malaysia-China" Isnin ini.

Perdana Menteri dijadual menyampaikan ucapan bertajuk "Permulaan Abad Asia Pasifik: Satu Perspektif Malaysia".

Yang turut mengiringi beliau ke Beijing ialah Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Perdana Menteri China Li Peng dijadual memberi ucapan khas pada dialog itu, yang dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, beberapa menteri dan timbalan menteri serta ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir. -- BERNAMA

AZZ MAI